

**PM minta pandangan #Bajet2015 sebelum tengah malam esok
Astro Awani
20 Oktober 2014**



PM minta pandangan #Bajet2015 sebelum tengah malam esok - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat negara ini terus memberi pandangan mengenai Bajet 2015 yang dibentangkan 10 Oktober lepas.

Di dalam catatan terbaharunya di laman Twitter, Najib mahu rakyat memberi maklum balas terhadap apa sahaja skop dan subjek berkaitan Bajet 2015 yang memfokuskan isu sara hidup.

Tinjauan bajet bermula dari 13 sehingga 19 Oktober dan sebarang pandangan boleh disalurkan ke laman www.najibrazak.com/bajet2015/survey

Bajet 2015 memberi fokus kepada [usaha meringankan beban rakyat](#) berdepan dengan cabaran kenaikan kos sara hidup seiring dengan usaha memajukan ekonomi negara.

Bertemakan Sebuah Bajet: Ekonomi Keperluan Rakyat, Najib yang juga Menteri Kewangan melihat pendekatan kali ini menitikberatkan keseimbangan antara ekonomi modal dan ekonomi rakyat.

Antara inisiatif yang telah dibentangkan termasuk pemilikan ekuiti, keusahawanan, perusahaan industri kecil, modal insan untuk memperkasakan [agenda bumiputera](#).

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.
Source: <http://www.astroawani.com/news/show/pm-minta-pandangan-bajet2015-sebelum-tengah-malam-esok-46449>